

Remaja maut digilis treler

Sinar. KOSASO 25/5/12 MS 24

Tunggang motosikal seorang diri dan masuk ke laluan utama secara tiba-tiba

TANJONG KARANG – Seorang remajaperempuan maut selepas motosikal yang ditunggang bergesel dengan sebuah treler di KM63.5 Jalan Klang-Teluk Intan di hadapan Sekolah Agama Menengah Tanjong Karang kira-kira jam 4.30 petang kelmarin.

Ketua Polis Trafik dan Ketenteraman Awam Daerah Kuala Selangor, Inspektor Roslan Ismail berkata, siasatan awal mendapati ketika kejadian, mangsa, Nurnawwarah Abd Wahab, 16, yang berasal Kampung Haji Razali menunggang motosikal seorang diri.

Menurutnya, mangsa dipercayai berhenti di tepi jalan di hadapan sekolah itu dan selepas bahagian depan lori treler terbabit melepasi motosikal, secara tiba-tiba mangsa keluar dari tepi jalan dan masuk ke laluan utama.

“Mangsa kemudiannya bergesel de-

ngan treler terbabit sebelum terjatuh dan masuk ke laluan lori treler, kemudian digilis manakala motosikal menggelongsor ke tepi jalan,” katanya ketika ditemui *Sinar Harian*, semalam.

Roslan berkata, mangsa mengalami kecederaan teruk pada bahagian kepala dan disahkan meninggal dunia di tempat kejadian sebelum dibawa ke Hospital Tanjong Karang untuk bedah siasat.

“Merujuk kenyataan pemandu lori, dia terkejut apabila berasakan melanggar sesuatu apabila lori dipandunya tidak stabil sebelum berhenti 100 meter dari kejadian kemalangan.

“Motosikal mangsa hanya mengalami kerosakan kecil dan kes disiasat di bawah seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan individu yang terlihat kejadian terbabit diminta tampil untuk membantu melancarkan siasatan polis,” katanya.



Mangsa maut ditempat kejadian selepas motosikalnya bergesel dengan treler.